

Sabah hab penting minyak dan gas serantau: Naib Canselor UMS

KOTA KINABALU: Sabah yang merupakan antara negeri yang memiliki rizab minyak tertinggi di negara ini, kini muncul sebagai hab minyak dan gas (O&G) di rantau ini, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata ini jelas berikutan perubahan besar dalam industri O&G bagi memanfaatkan rizab ini, termasuk projek luar pesisir seperti Kikeh, Gumusut Kakap, Malikai, Kababagan, Jangas, Ubah Crest, Pisangan dan Kamunsuand.

Selain projek luar pesisir, Mohd Harun berkata terdapat projek gas di daratan -- Terminal Minyak dan Gas Sabah di Kimanis, Taman Perindustrian O&G Sipitang dan saluran paip gas Kimanis-Bintulu yang merangsang industri O&G di negeri ini.

"Keseluruhannya, industri hulu dan hiliran O&G memerlukan 16,000 pekerja mahir setahun bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat menjelang 2020 seperti yang digariskan oleh Jabatan Pembangunan kemahiran Malaysia," katanya dalam ucapan sempena Simposium Antarabangsa O&G di Likas

dekat sini kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS Prof Madya Dr Rosalam Sarbatly.

Mohd Harun berkata sektor O&G memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, menyumbang lebih daripada 40 peratus pendapatan negara.

Dalam hubungan ini, beliau berkata UMS sudah membuka kursus lepasan ijazah dalam O&G tahun lepas dan akan memulakan kursus sarjana muda di Sekolah Kejuruteraan dan

Teknologi Maklumat.

Beliau berkata UMS mahu bekerjasama dengan institusi, industri dan organisasi penyelidikan bagi mewujudkan budaya kecemerlangan, melabur dalam kemahiran dan menggalakkan penyelidikan dan inovasi.

"Kini terserah kepada industri untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam membangunkan modal insan menerusi usaha sama selain bekerjasama dengan institusi pembelajaran bagi membangunkan bakat dan penemuan baharu," katanya. -Bernama